

**Penjawat Awam Perlu Perkukuh Falsafah 1Malaysia - MB Perlis  
Bernama  
13 Februari , 2012**

KANGAR, 13 Feb (Bernama) -- Penjawat awam perlu memperkukuh falsafah 1Malaysia di samping sentiasa memelihara nikmat kehidupan bersatu padu serta makmur yang dikecapi sejak negara mencapai kemerdekaan, kata Menteri Besar Perlis Datuk Seri Dr Md Isa Sabu pada Isnin.

Katanya falsafah 1Malaysia bertujuan murni terutama ke arah menyatupadukan masyarakat dengan lebih 200 etnik di negara ini kerana perpaduan telah membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.

"Kita kini selesa dengan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum dan jangan rosakkan kenikmatan perpaduan yang telah wujud selama ini," katanya pada perhimpunan bulanan anggota-anggota perkhidmatan awam persekutuan dan negeri di Kompleks Warisan di sini.

Beliau juga berharap masyarakat menyingkirkan sikap dan pemikiran buruk yang merugikan sehingga sanggup melakukan hasutan bagi menghancurkan perpaduan yang dikecapi selama ini.

Menteri Besar berkata kerajaan telah menguruskan pentadbiran yang terbaik selama ini sama ada secara disedari atau tidak oleh masyarakat, termasuk mengeluarkan subsidi kepada barangan tertentu supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga barang.

Bagaimanapun, beliau berkata ada masyarakat yang gagal memanfaatkan nikmat subsidi itu sehingga memudaratkan diri sendiri dan keluarga termasuk melakukan pembaziran petrol dan menggunakan gula secara berlebihan.

"Oleh kerana harga petrol masih rendah disebabkan subsidi, banyak kenderaan boleh berada di atas jalan raya tetapi pemanduan tidak berhemah boleh mengundang kemalangan. Begitu juga dengan penggunaan gula yang berlebihan boleh menyebabkan diabetes," katanya.

Beliau berharap orang ramai memanfaatkan subsidi tanpa merosakkan kehidupan mereka dan subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah sebahagian kecil daripada usaha murni kerajaan untuk memberi keselesaan hidup kepada masyarakat.

Katanya bagi memastikan keselesaan hidup berterusan, masyarakat perlu membuat penilaian bijak dalam memastikan kerajaan yang sedia ada terus kekal mentadbir negara ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645205>